Pelan kebolehpasaran graduan IPT dilancar dalam masa terdekat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Ogos 2, 2021 @ 7:26pm

bhnews@bh.com.my

Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT) 202 – 2025 akan dilancarkan dalam masa terdekat. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT) 202 – 2025 akan dilancarkan dalam masa terdekat, dengan matlamat meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan terutama mendepani situasi mencabar disebabkan pandemik COVID-19 ketika ini.

Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Shaharuddin Abu Sohot, berkata menerusi pelan itu, ia

memberi panduan kepada IPT untuk menjalankan program dengan graduan, yang membabitkan penyertaan sepenuhnya industri.

Katanya, penyertaannya itu bermula dari pembangunan kurikulum serta penglibatan dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran dengan matlamat akhir untuk menghasilkan graduan berkualiti dan memenuhi permintaan industri abad 21.

"Kurikulum pengajiannya adalah selari dengan keperluan industri. Oleh itu, hubungan yang baik antara kementerian, industri dan ahli akademik dan pelajar dalam menangani isu kebolehpasaran graduan akan dapat menjamin pekerjaan pada graduan di samping memastikan tangga gaji setaraf dengan kelayakan mereka.

"Apabila pengajian di IPT sudah diterapkan dengan kurikulum tersedia masa hadapan, maka kita yakin akan dapat melahirkan graduan yang lebih bersedia memasuki alam pekerjaan pada masa hadapan," katanya ketika ditemubual dalam program Malaysia Petang Ini, hari ini.

Beliau berkata, pandemik COVID-19 yang sudah melanda negara sejak tahun lalu diakui menjejaskan peluang graduan untuk memasuki alam pekerjaan.

"Hasil Kajian Pengesanan Graduan bagi tahun 2020 yang dilaksanakan KPT merekodkan kadar kebolehpasaran graduan pada tahun lalu adalah 84.4 peratus, menurun sebanyak 1.8 peratus berbanding 86.2 peratus pada 2019," katanya.

Justeru kata beliau, peranan industri amat penting dan KPT sentiasa merancang serta menyusun program yang membuka laluan kerjaya kepada graduan.

"Antara program yang menampakkan kejayaan adalah program kita bersama Shopee yang terbuka kepada 5,000 graduan untuk membuka kedai maya dalam platform itu, dengan bimbingan oleh pakar secara adalah secara percuma.

"Selain itu kita juga bekerjasama dengan syarikat Produa yang turut menyumbang kepada peningkatan kemahiran. Sekarang kita sudah ada 164 graduan dan penempatan pekerjaan adalah dijamin selepas tamat latihan. Program ini kita sasarkan 500 graduan," katanya.

Selain itu katanya, program keusahawan bersama Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) dan Tekun Nasional, yang mensasarkan penyertaan seramai 1,000 graduan.